(*c*) enquire into any matter relating to any take-over or merger transaction and for this purpose summon any person to attend before it to give evidence on oath or affirmation or produce any document or material necessary for the purpose of the enquiry, and any person so summoned shall be legally bound to comply with the summon;

(*d*) publicise in any manner as it deems fit any breach of the general principles and rules by any party to a take-over or merger transaction; and

(*e*) report to any authority as it deems necessary any such breach by any such party.

(5) (*a*) Every acquirer shall submit all information and documents relevant to the take-over to the Panel at least twenty-one days prior to the dispatch of the offer document to the shareholders.

(*b*) Notwithstanding anything contained in paragraph (*a*) the acquirer shall not dispatch the offer document to the shareholders or effect the take-over at the end of the period specified therein if, before the expiry of such period, the Panel has directed the acquirer to defer doing so until such time as it may specify.

(*c*) Where an acquirer fails to comply with subsection (5) (*a*) or (*b*), the acquirer, and, if the acquirer is a body corporate, every officer of the body corporate shall be guilty of an offence against this Act.

Penalty: Twenty thousand ringgit.

(6) Regulations may be made requiring the lodging and registration with the Registrar or a Stock Exchange, or both, of copies of any document related to a take-over and merger transaction.

(7) Subject to subsection (5), a failure by any party concerned in a take-over or merger transaction to observe any of the general principles and rules in the Code shall not of itself render that party liable to criminal proceedings but any such failure may, in any proceedings, whether civil or criminal, be relied upon by any party to the proceedings as tending to establish or to negative any liability which is in question in the proceedings.

(8) The acts and decisions of the Panel in the exercise of its functions in respect of the general principles and rules in the Code shall be final and not capable of being challenged in any court.

(9) Neither the Panel nor any member of the Panel or its secretariat shall be liable to any legal proceedings in respect of anything done or omitted to be done by it or him in the exercise of its or his functions, duties and powers under this section or the general principles and rules in the Code.".

Pindaan seksyen 193.

48. Seksyen 193 Akta ibu adalah dipinda dengan menambah perkataan-perkataan "unless specifically provided for in this Part" di akhir seksyen.

Pindaan seksyen 194.

49. Seksyen 194 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan sebelum sahaja takrif "company" takrif "affairs" seperti berikut:

'"affairs", in relation to a company, includes—

(*a*) the promotion, formation, membership control, trading, dealings, business and property of the company;

(*b*) the ownership of shares in, debentures of and interests issued by the company;

(*c*) the ascertainment of the persons who are or have been financially interested in the success or failure or apparent success or failure of the company or are or have been able to control or materially to influence the policy of the company; and

(*d*) the circumstances under which a person acquired or disposed of or become entitled to acquire or dispose of shares in, debentures of or interests issued by the company;'.

50. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 199 seksyen baru 199A seperti berikut: Seksyen baru 199A.

"Investigation of affairs of related corporation.

199A. Where an inspector thinks it necessary for the purposes of the investigation of the affairs of a company to investigate the affairs of a related corporation, he may, with the consent in writing of the Minister, investigate the affairs of that corporation.".

51. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 208 seksyen baru 208A seperti berikut: Seksyen baru 208A.

"Power to require information as to persons interested in shares or debentures.

208A. (1) Where it appears to the Minister that there is good reason to investigate the ownership of any shares in or debentures of a corporation and that it is unnecessary to appoint an inspector for the purpose, he may require any person whom he has reasonable cause to believe—

(*a*) to be or to have been interested in those shares or debentures; or

(*b*) to act or to have acted in relation to those shares or debentures as the agent of someone interested therein,

to give him any information which he has or can reasonably be expected to obtain as to the present and past interests in those shares or debentures and the names and addresses of the persons interested and of any person who act or have acted on their behalf in relation to the shares or debentures.

(2) For the purposes of this section, a person shall be deemed to have an interest in a share or debenture if he has any right to acquire or dispose of the share or debenture or any interest therein or to vote in respect thereof, or if his consent is necessary for the exercise of any of the rights of other persons interested therein, or if the persons interested therein can be required or are accustomed to exercise their rights in accordance with his instructions.

(3) Any person who fails to give any information required of him under this section, or who in giving any such information makes any statement which he knows to be false in a material particular, or recklessly makes any statement which is false in a material particular, shall be guilty of an offence against this Act.

Penalty: Imprisonment for twelve months or ten thousand ringgit.

(4) This section shall apply to an insurance company but nothing herein shall, subject to the provisions of the Insurance Act 1963, require disclosure by an insurance company to the Minister of any information as to the affairs of any of its customers other than the corporation of which it is the insurer.".

Act 89.

Pindaan seksyen 251.

52. Seksyen 251 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan menambah perkataan-perkataan "is in hiding or had absconded or" selepas perkataan "company" yang terdapat dalam baris 4;

(*b*) dengan menambah perkataan-perkataan "or otherwise avoiding, delaying or embarrassing proceedings in the winding-up" selepas perkataan "company" yang terdapat dalam baris 7; dan

(*c*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "contributory or a director or former director" yang terdapat dalam baris 3 dan perkataan-perkataan "contributory director of former director" yang terdapat dalam baris 7 dan 8 dengan perkataan-perkataan "contributory, director or former director".

Pindaan seksyen 320.

53. Seksyen 320 Akta ibu adalah dipotong dan digantikan dengan yang berikut:

"Restriction on borrowing by investment companies.

320. An investment company shall not borrow an amount if that amount, or the sum of that amount and any amounts previously borrowed by it and not repaid exceeds an amount equivalent to twice its net tangible assets.".

Pindaan seksyen 321.

54. Seksyen 321 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan "five" yang terdapat dalam baris 5 subseksyen (2) dengan perkataan 'ten"; dan

(*b*) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2) subseksyen baru (3) seperti berikut:

"(3) Subsection (2) shall not apply in respect of a wholly-owned subsidiary of an investment company for the purpose of carrying out nominee, underwriting, dealing or other functions incidental to the business of an investment company.".

55. Seksyen 323 Akta ibu adalah dipinda— **Pindaan seksyen 323.**

(*a*) dengan memotong perkataan-perkataan "(1)" yang terdapat dalam baris 1 subseksyen (1); dan

(*b*) dengan memotong subseksyen (2).

56. Seksyen 326 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) yang ada dengan subseksyen baru (1) seperti berikut: **Pindaan seksyen 326.**

"(1) An investment company shall attach to its balance-sheet a complete list of all the investments of the company as at the date of the balance-sheet showing the descriptions and quantities of those investments.".

57. Seksyen 327 Akta ibu adalah dipinda— **Pindaan seksyen 327.**

(*a*) dengan memotong perkataan-perkataan "(1)" yang terdapat dalam baris 1 subseksyen (1); dan

(*b*) dengan memotong subseksyen (2) dan (3).

58. Seksyen 330 (2) Akta ibu adalah dipinda— **Pindaan seksyen 330.**

(*a*) dengan memotong perkataan "or" yang terdapat di akhir perenggan (*h*);

(*b*) dengan menggantikan noktah yang terdapat di akhir perenggan (*i*) dengan perkataan-perkataan "; or"; dan

(*c*) dengan memasukkan perenggan baru (*j*) seperti berikut:

"(*j*) imports goods only temporarily pursuant to the Customs Act 1967 for the purpose of display, exhibition, demonstration or as trade samples with a view to subsequent re-exportation within a period of three months or within such

further period as the Director-General of Customs and Excise may in his discretion allow.".

Pindaan seksyen 332.

59. Seksyen 332 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Every foreign company shall, within one month after it establishes a place of business or commences to carry on business within Malaysia," yang terdapat di ayat permulaan subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "Every foreign company desiring to establish a place of business or to carry on business within Malaysia shall";

(*b*) dengan memasukkan perkataan "and" selepas sahaja koma bertitik yang terdapat di akhir subseksyen (1) (*e*);

(*c*) dengan memotong perenggan (*f*) subseksyen (1);

(*d*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "and on payment of the appropriate fees and subject to this Act the Registrar shall register the company under this Division by registration of the documents" yang terdapat di akhir subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "and the Registrar may on the payment of the appropriate fees and subject to this Act and any condition which he may impose register the company under this Division by registration of the documents"; dan

(*e*) dengan menambah selepas sahaja subseksyen (1) subseksyen baru (1A) seperti berikut:

"(1A) The Registrar shall issue a certificate in the prescribed form of every registration of a foreign company and the certificate shall be conclusive evidence that the requirements as to registration have been complied with.".

Pindaan seksyen 333.

60. Seksyen 333 Akta ibu adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja subseksyen (1) subseksyen baru (1A) seperti berikut:

"(1A) Every foreign company shall, within one month after it establishes a place of business or commences to carry on business within Malaysia, lodge with the Registrar for registration notice

in the prescribed form, of the situation of its registered office in Malaysia and, unless the office is open and accessible to the public during ordinary business hours on each day (weekly and public holidays excepted), the days and hours during which it is open accessible to the public.".

Pindaan seksyen 334.

61. Seksyen 334 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "registration of a foreign company under this Division or the" selepas perkataan-perkataan "on the" dalam baris 1 dan perkataan-perkataan "(*c*), (*d*) or" selepas perkataan-perkataan "section 335" dalam baris 4 subseksyen (1).

Pindaan seksyen 336A.

62. Seksyen 336A Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan menambah selepas sahaja subseksyen (1) subseksyen baru (1A) seperti berikut:

"(1A) The records referred to in subsection shall be audited by a person approved under section 8."; dan

(*b*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "(5) and (6)" yang terdapat dalam baris 1 subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan "(6) and (7)".

Pindaan seksyen 340.

63. Seksyen 340 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan memasukkan perkataan-perkataan "except as otherwise provided in subsection (7)" selepas perkataan "Court" yang terdapat dalam baris 1 subseksyen (3) (*b*);

(*b*) dengan menggantikan perenggan (*c*) subseksyen (3) dengan perenggan baru seperti berikut:

"(*c*) shall, unless otherwise ordered by the Court, only recover and realize the assets of the foreign company in Malaysia and shall, subject to subsection (7), pay the net amount so recovered and realized to the liquidator of that foreign company for the place where it was formed or incorporated after paying any debts and satisfying any liabilities incurred in Malaysia by the foreign company."; dan

(*c*) dengan menambah selepas sahaja subseksyen (6) subseksyen baru (7) seperti berikut:

"(7) The provisions of section 292 shall apply to a foreign company wound up or dissolved pursuant to this section as if for references to a company there were substituted references to a foreign company.".

Pindaan seksyen 358.

64. Seksyen 358 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan peruntukan penalti di akhir subseksyen (2) dengan peruntukan penalti baru seperti berikut:

"Penalty: Two thousand ringgit. Default penalty.".

Pindaan seksyen 360.

65. Seksyen 360 Akta ibu adalah dipinda dengan menambah subseksyen baru (4) seperti berikut:

"(4) Notwithstanding subsections (1), (2) and (3) the Registrar may require any company to file any instrument, certificate, contract or document including any accounts, minute books or other records of a corporation or a certified copy thereof in the National Language.".

Pindaan seksyen 363.

66. Seksyen 363 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan peruntukan penalti di akhir subseksyen (5) dengan peruntukan penalti baru seperti berikut:

"Penalty: Imprisonment for five years or thirty thousand ringgit or both.".

Pindaan seksyen 364.

67. Seksyen 364 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "wilfully makes a statement false in any material particular knowing it to be false" yang terdapat dalam baris 3 dan 4 subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "makes or authorizes the making of a statement false or misleading in any material particular knowing it to be false or misleading or intentionally omits or authorizes the omission or accession of any matter or thing thereby making the document misleading in a material respect"; dan

(*b*) dengan menambah selepas sahaja subseksyen (2) subseksyen baru (3) seperti berikut:

"(3) For the purposes of subsection (2) where a person at a meeting votes in favour of the making of a statement referred to in that subsection knowing it to be false, he shall be deemed to have authorized the making of that statement.".

68. Akta ibu adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja seksyen 364 seksyen baru 364A seperti berikut: **Seksyen baru 364A.**

"False reports.

364A. (1) An officer of a corporation who, with intent to deceive, makes or furnishes or knowingly and wilfully authorizes or permits the making or furnishing of, any false or misleading statement or report to—

(*a*) a director, auditor, member, debenture holder or trustee for debenture holders of the corporation;

(*b*) in the case of a corporation that is a subsidiary, an auditor of the holding company;

(*c*) a prescribed Stock Exchange whether within or without Malaysia or an officer thereof; or

(*d*) the Panel or any member of the Panel appointed by the Minister under section 179,

relating to the affairs of the corporation shall be guilty of an offence against this Act.

Penalty: Imprisonment for two years or ten thousand ringgit or both.

(2) In subsection (1) "officer" includes a person who at any time has been an officer of the corporation.".

69. Seksyen 367 Akta ibu adalah dipinda— **Pindaan seksyen 367.**

(*a*) dengan menggantikan perkataan-perkataan "Two hundred and fifty dollars" yang terdapat dalam peruntukan penalti di akhir subseksyen (1) dan (3) dengan perkataan-perkataan "Two thousand five hundred ringgit";

(*b*) dengan menambah selepas sahaja subseksyen (3) subseksyen baru (4) seperti berikut:

"(4) Subject to section 35 and for the purpose of this section "carrying on business" includes the use of any name or title of which "Berhad" or "Limited" or the word "Sendirian" or any abbreviation thereof is part of the name or title in any documents, books or publication.".

Pindaan seksyen 369.

70. Seksyen 369 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "two hundred and fifty" yang terdapat di akhir subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "five thousand".

Pindaan seksyen 371.

71. Seksyen 371 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "three" dalam subseksyen (2) dengan perkataan "seven".

Seksyen baru 374.

72. Akta ibu adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja seksyen 373 seksyen baru 374 seperti berikut:

"Power to amend Schedules.

374. The Yang di-Pertuan Agong may, by order, add to, delete, vary or amend all the Schedules to this Act and such order shall be published in the *Gazette*.".

Pemotongan Jadual Kesepuluh.

73. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong Jadual Kesepuluh.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Syarikat 1965 untuk memperkukuhkan peruntukan-peruntukan Akta berhubung dengan, khususnya, perlindungan pelabur-pelabur. Ia mengandungi banyak pindaan teknik yang dirancangkan untuk memperbaiki pentadbiran Akta dan menghapuskan anomali.

2. *Fasal 1* membolehkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini dan membenarkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasa yang berlainan bagi bahagian-bahagian yang berlainan Rang Undang-Undang ini. Ini adalah untuk memberi orang-orang yang terjejas dengan pindaan-pindaan ini masa untuk mematuhi peruntukan-peruntukan yang baru.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 4 Akta ibu.

Takrif istilah "juruaudit syarikat yang diluluskan" ("approved company auditor") dipinda supaya mana-mana rujukan kepada istilah tersebut adalah rujukan kepada juruaudit yang diluluskan di bawah seksyen 8 Akta Syarikat sahaja.

Takrif istilah "buku-buku" ("books") diperluaskan bagi kefleksibelan penyimpanan rekod-rekod syarikat termasuk penyimpanan dalam bentuk-bentuk komputer.

Takrif istilah "Pegawai Penerima" ("Official Receiver") dipinda supaya selaras dengan takrif istilah yang sama dalam Akta Kebankrapan 1967.

Fasal ini juga bertujuan mentakrif "perbadanan berkaitan" ("related corporation") dengan membuat rujukan kepada sesuatu perbadanan yang disifatkan sebagai berkaitan di bawah seksyen 6 Akta ibu.

Takrif istilah "transparensi" ("transparency") dimasukkan di sini berhubung dengan pindaan kepada seksyen 11.

Takrif "saham undi" ("voting shares") adalah diperuntukkan berhubung dengan Penggal 3A berkenaan dengan pendedahan oleh pemegang-pemegang saham substansial.

4. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen baru 6A yang menyatakan hal keadaan di mana seseorang dianggap mempunyai kepentingan yang relevan dalam sesuatu saham bagi maksud-maksud Penggal baru 3A Bahagian IV, seksyen 134 dan 135.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 7.

Penalti bagi menghalang atau mengganggu Pendaftar atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri dalam tugas mereka ditambah untuk pencegahan yang lebih berkesan lagi.

Subseksyen (11) yang baru memberi kuasa kepada Pendaftar meminta maklumat daripada mana-mana orang bagi tujuan menguatkuasakan Akta dan subseksyen (12) yang baru mentakrifkan bila sesuatu surat atau dokumen disifatkan telah diserahkan kepada seseorang, sesuatu perbadanan atau firma.

Subseksyen baru (13) membuat peruntukan bagi melindungi pegawai-pegawai Pendaftaran Syarikat dari mana-mana pembicaraan sivil dalam menjalankan tugas-tugas mereka di bawah Akta.

6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 8 untuk menjadikan sesuatu kelulusan yang diberi kepada seseorang juruaudit atau likuidator luput selepas tempoh dua tahun dari tarikh kelulusan.

7. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 9 dengan memasukkan suatu peruntukan baru yang melarang seseorang dari menjadi juruaudit sesebuah syarikat jika seseorang pegawai syarikat itu adalah pekerja sesebuah perbadanan yang dimiliki atau dimiliki sebahagiannya oleh orang tersebut atau isterinya. Penalti bagi mana-mana pelanggaran seksyen 9 adalah juga ditambah dari lima ratus ringgit kepada dua ribu ringgit.

8. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 11.

Pindaan-pindaan itu bertujuan terutamanya untuk membolehkan salinan mikrofilem rekod-rekod diterima setara dengan rekod asal serta diterima sebagai keterangan dalam Mahkamah.

Kelas-kelas dokumen yang salinannya boleh diminta oleh awam telah dihadkan kepada dokumen-dokumen yang boleh diperiksa oleh awam atau kepada perakuan-perakuan yang boleh dikeluarkan oleh Pendaftar (seksyen baru 11 (2) (*c*)).

Sebagai tambahan Pendaftar boleh juga menolak sesuatu dokumen jika ia mengandungi perkara-perkara yang palsu atau mengelirukan (seksyen baru 11 (8) (*b*)). Jika sesuatu dokumen belum disempurnakan sewajarnya Pendaftar boleh menghendaki suatu dokumen tambahan diserahsimpan (seksyen baru 11 (8) (*h*)).

Bagi memutuskan sama ada dia boleh enggan mendaftarkan sesuatu dokumen, Pendaftar sekarang boleh menghendaki mana-mana orang membekalkannya dengan maklumat yang perlu (seksyen baru 11 (9)).

Pindaan ini membolehkan mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan-keputusan atau tindakan-tindakan Pendaftar merayu kepada Mahkamah dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan Pendaftar (seksyen baru 11 (10)).

9. *Fasal 8* bertujuan memasukkan seksyen baru 14A yang membuat peruntukan bahawa mulai dari tarikh yang ditetapkan bagi Akta ini mula berkuatkuasa, syarikat baru yang dihadkan oleh jaminan tidak akan dibenarkan mempunyai modal saham, tetapi syarikat yang ada yang dihadkan oleh jaminan dan pada masa ini mempunyai modal saham tidak akan terjejas.

10. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 16 yang menghendaki satu salinan akuan berkanun oleh seseorang penaja diserahsimpan dengan Pegawai Penerima. Dia hendaklah juga mematuhi seksyen 125 selain daripada mematuhi seksyen 130.

11. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 22. Pindaan ini hanyalah berupa peraturan sahaja supaya menepati dengan amalan sekarang yang menghendaki suatu borang difailkan untuk menempahkan nama yang diluluskan bagi sesuatu syarikat yang dicadangkan atau bagi penukaran nama syarikat. Penempahan nama hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh kelulusan. Permohonan bagi kesediaadaan nama yang dicadangkan mestilah juga dibuat dalam borang yang akan ditetapkan.

12. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 26 untuk membolehkan sesebuah syarikat persendirian yang hendak ditukar menjadi syarikat awam menyerahsimpan dengan Pendaftar sama ada suatu prospektus atau suatu penyata sebagai ganti prospektus.

13. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 35. Pindaan ini berbangkit dari pemasukan seksyen baru 132C (*Fasal 30*).

14. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 36 bagi menambah peruntukan penalti atas syarikat yang menjalankan perniagaan dengan jumlah anggota yang kurang daripada jumlah minimum anggota menurut undang-undang.

15. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 37.

Penalti di bawah seksyen ini ditambah untuk mencegah dengan lebih keras mereka yang bermaksud untuk mengedarkan borang permohonan saham tanpa terlebih dahulu mendaftarkan prospektus dengan Pendaftar.

Suatu pengecualian tambahan daripada kehendak prospektus adalah diperuntukkan bagi borang permohonan yang diedarkan kepada pekerja-pekerja sesebuah syarikat atau perbadanan berkaitannya bagi saham-saham dalam syarikat itu di bawah skim yang diluluskan.

16. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 38.

Pindaan ini terutamanya bertujuan mengadakan pengecualian tambahan daripada kehendak prospektus jika pelawaan-pelawaan meminjamkan wang kepada sesebuah perbadanan dibuat kepada perbadanan yang ditetapkan, syarikat-syarikat insurans, badan-badan berkanun, kumpulan wang pencen dan syarikat-syarikat asing (subseksyen baru (1B) (*c*)).

Pengecualian adalah juga diberi jika pinjaman yang diterima oleh sesuatu perbadanan dijamin penuh oleh Kerajaan (subseksyen baru (1B) (*c*)).

17. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 47 untuk menambah peruntukan penalti atas mana-mana pernyataan yang tidak benar atau kerana sengaja tak menzahirkan sesuatu dalam prospektus.

18. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 60 untuk memberi relif prospektif dan kebelakangan dari peruntukan seksyen 60 yang ada yang menghendaki premium atas saham yang dikeluarkan dipindahkan ke suatu akaun premium saham yang tidak boleh dibahagi-bahagikan.

Subseksyen (4) yang baru memberi relif prospektif berkenaan dengan perkiraan saham bagi saham yang ditakrif secara kasar di mana syarikat yang memperoleh mendapat sekurang-kurangnya 90% pegangan ekuiti dalam suatu syarikat lain.

Subseksyen baru (5) yang dicadangkan mengemukakan relif prospektif yang lebih terhad sedikit berkenaan dengan penyusunan semula antara kumpulan yang tertentu. Subseksyen baru (6) yang dicadangkan memberi relif kebelakangan berkenaan dengan perkiraan saham bagi saham yang tertentu yang telah dilaksanakan di masa yang lalu di mana premium telah tidak dipindahkan ke akaun premium saham.

Subseksyen baru (8) yang dicadangkan memberi kuasa kepada Menteri, melalui peraturan-peraturan, memberi relif dari seksyen 60 berhubung dengan premium bukan tunai dan menghadkan atau mengubahsuai selainnya relif yang diberi oleh subseksyen (4) hingga 6) yang dicadangkan.

19. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 62 yang akan menghendaki notis mengenai tambahan modal saham sesebuah syarikat diserahsimpan dengan Pendaftar dalam masa empat belas hari dari tarikh resolusi yang meluluskan tambahan itu. Penalti kerana ingkar juga ditambah.

20. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 67.

Mengikut pindaan-pindaan dalam perenggan (*a*) dan (*b*), sesebuah syarikat boleh juga memberi bantuan kewangan kepada—

(i) tabung amanah bagi pekerja-pekerja sesebuah subsidiari syarikat itu membeli saham dalam syarikat itu; dan

(ii) pekerja-pekerja syarikat itu atau sesebuah subsidiari syarikat itu untuk membeli saham dalam syarikat induk.

Jika ada pelanggaran seksyen 67 (1), syarikat itu tidak melakukan suatu kesalahan tetapi setiap pegawai yang ingkar adalah melakukan kesalahan terhadap Akta (subseksyen baru (3)). Ini adalah peruntukan baru: dasar alasan peruntukan ini ialah, jika syarikat itu dihukum di bawah seksyen ini, anggota-anggota dan pemiutang-pemiutangnyalah yang akan menanggung akibatnya.

Mahkamah berkuasa, kecuali ia memutuskan untuk melepaskan seseorang pegawai yang telah disabitkan dari liabiliti di bawah subseksyen (5) yang baru, memerintahkan pegawai itu membayar pampasan kepada syarikat atau orang lain yang menanggung kerugian hasil dari pelanggaran itu (subseksyen baru (4)).

21. *Fasal 20* bertujuan meminda seksyen 69A dan memasukkan Penggal baru 3A.

Seksyen baru 69A memberi kuasa kepada Pendaftar meminta maklumat dan butir-butir mana-mana saham yang diperolehi oleh mana-mana orang, individu atau syarikat.

Fasal ini juga memasukkan Penggal baru 3A yang perlu dipatuhi oleh semua syarikat awam sama ada disenaraikan di Bursa Saham atau tidak. Menteri boleh mengisytiharkan sesebuah pertubuhan perbadanan atau sesebuah badan yang bukan pertubuhan perbadanan sebagai sebuah syarikat bagi maksud-maksud Penggal baru ini (seksyen baru 69B).

Penggal baru 3A ini terpakai bagi semua orang sebenar, dan bagi pertubuhan yang diperbadankan atau tidak diperbadankan dan terpakai bagi perbuatan yang dilakukan atau tidak dilakukan di luar Malaysia (seksyen baru 69C).

Seseorang yang berhak atas 5% atau lebih saham undi dalam sesebuah syarikat adalah disifatkan memiliki pemegangan saham substansial dalam syarikat itu. Seseorang adalah juga disifatkan memiliki pemegangan saham substansial jika dia memegang 5% atau lebih saham undi dalam satu dari kelas-kelas saham dalam sesebuah syarikat yang memiliki saham undi dua kelas atau lebih (seksyen baru 69D).

Seseorang pemegang saham substansial mestilah memberi syarikat itu notis bertulis mengenai kepentingannya yang releven (seksyen baru 69E).

Notis bertulis mengenai perubahan dalam kepentingan yang releven pemegang saham substansial mestilah diberi kepada syarikat dalam masa empat belas hari selepas tarikh perubahan (seksyen baru 69F).

Notis bertulis adalah dikehendaki daripada seseorang yang terhenti daripada menjadi pemegang saham substansial dalam masa empat belas hari dari tarikh dia terhenti menjadi pemegang saham substantial (seksyen baru 69G).

Hal keadaan di mana seseorang mempunyai kepentingan yang relevan, mengubah kepentingannya atau terhenti daripada mempunyai kepentingan yang relevan mengikut fasal 3 adalah hal keadaan yang dikehendaki dinyatakan dalam mana-mana notis di bawah seksyen baru 69E, 69F dan 69G (seksyen baru 69H).

Jika seseorang memberi notis mengenai kepentingan yang substansial atau perubahan dalam atau pemberhentian kepentingan itu (di bawah seksyen baru 69E, 69F atau 69G) kepada sesebuah syarikat yang disenaraikan, satu salinan notis itu mestilah juga dihantar kepada Bursa Saham (seksyen baru 69I).

Seseorang yang memegang saham undi yang diamanahkan bagi pihak seseorang bukan pemastautin adalah dikehendaki memberitahu bukan pemastautin itu mengenai kewajipannya mematuhi kehendak Penggal 3A (seksyen baru 69J).

Pendaftar mempunyai budi bicara melanjutkan tempoh memberi notis di bawah Penggal baru 3A. Lanjutan boleh diberi sekalipun tempoh itu sudah tamat (seksyen baru 69K).

Sesebuah syarikat mesti menyimpan suatu daftar semua maklumat berhubung dengan pemegang-pemegang saham substansial dan daftar mestilah disimpan di pejabat berdaftar atau tempat utama perniagaannya (seksyen baru 69L).

Kegagalan mematuhi seksyen baru 69E, 69F, 69G atau 69J adalah menjadi suatu kesalahan terhadap Akta (seksyen baru 69M).

Jika seseorang pemegang saham substansial gagal mematuhi peruntukan-peruntukan Penggal baru 3A, Mahkamah boleh atas permohonan Pendaftar membuat perintah menahan urusan-urusan dalam saham-saham atau mengarahkan penjualan saham-saham atau mengarahkan syarikat supaya jangan mendaftarkan pemindahan saham-saham (seksyen baru 69N).

Syarikat itu sendiri boleh mengambil inisiatif memberi notis kepada mana-mana anggota supaya memberitahunya tentang kedudukan pemegangan anggota itu iaitu sama ada dia memegangnya sebagai pemilik benefisial atau sebagai pemegang amanah (seksyen baru (69O).

22. *Fasal 21* bertujuan meminda seksyen 84, yang kesannya ialah memasukkan kepentingan dalam perjanjian perkongsian tertentu dikira sebagai kepentingan bagi maksud mematuhi peruntukan Penggal 5 Bahagian IV Akta.

23. *Fasal 22* bertujuan meminda seksyen 103 bagi menghendaki semua pemindahan saham atau debentur disempurnakan dalam borang yang akan ditetapkan.

24. *Fasal 23* bertujuan meminda seksyen 107 bagi menambah penalti kerana gagal mengeluarkan perakuan-perakuan yang sesuai dalam masa satu bulan dari penyerahsimpanan pemindahan saham atau debentur dan dua bulan dari tarikh untukan saham atau debentur.

25. *Fasal 24* bertujuan meminda seksyen 109 bagi menambah penalti kerana gagal menyerahsimpan dokumen berhubung dengan sesuatu gadaian yang dibuat oleh sesebuah syarikat.

26. *Fasal 25* bertujuan memindah seksyen 119 bagi menambah penalti atas sesebuah syarikat kerana tidak mempunyai pejabat yang didaftarkan dalam masa empat belas hari selepas ia diperbadankan.

27. *Fasal 26* bertujuan meminda seksyen 120 bagi menambah penalti kerana gagal menyerahsimpan notis mengenai kedudukan pejabat yang didaftarkan bagi sesebuah syarikat dalam masa yang ditetapkan.

28. *Fasal 27* bertujuan meminda seksyen 123 bagi menghendaki diserahsimpan dengan Pegawai Penerima sebagai tambahan kepada penyerahsimpanan dengan Pendaftar satu salinan akuan berkanun yang dibuat oleh seseorang pengarah sebelum pelantikannya di bawah seksyen ini.

29. *Fasal 28* bertujuan meminda seksyen 130 supaya orang-orang yang disabitkan atas kesalahan-kesalahan di bawah peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dalam seksyen baru 132A (fasal 30) hilang kelayakan menjadi pengarah kecuali dengan kebenaran Mahkamah. Seseorang yang hendak memohon kebenaran Mahkamah di bawah seksyen 130 mestilah menjadikan Pendaftar satu pihak dalam pembicaraan itu dan Pendaftar boleh membantah permohonan itu.

30. *Fasal 29* bertujuan meminda seksyen 132 bagi mempertanggungkan atas pegawai-pegawai dan ejen-ejen sesebuah perbadanan kewajipan tidak menggunakan maklumat teristimewa secara tak wajar untuk mendapatkan faedah bagi diri mereka sendiri atau mana-mana orang lain.

Istilah "ejen" ditakrifkan semula supaya meliputi lingkungan yang lebih luas orang-orang yang berkaitan dengan syarikat yang mempunyai akses kepada maklumat-maklumat sulit teristimewa.

31. *Fasal 30* bertujuan memasukkan seksyen baru 132A, 132B, 132C dan 132D.

Seksyen baru 132A memperkatakan tentang penyalahgunaan maklumat sulit oleh seseorang pegawai, ejen atau pekerja sesebuah perbadanan atau pegawai Bursa Saham mengenai urusan-urusan dalam :

(i) saham, debentur;

(ii) kepentingan;

(iii) opsyen dalam saham atau debentur.

Beban membuktikan bahawa seseorang itu bukanlah seorang peniaga dalaman terletak atas orang itu.

Seksyen baru 132B melarang penggunaan maklumat yang didapati atas sifat rasmi.

Seksyen baru 132C melarang pengarah-pengarah sesebuah syarikat melupuskan sebahagian besar daripada usaha atau harta syarikat tanpa kelulusan syarikat dalam mesyuarat agung terlebih dahulu jika usaha atau harta yang hendak dilupuskan itu menjejaskan secara material prestasi syarikat.

Seksyen baru 132D menghendaki pengarah-pengarah mendapatkan kelulusan syarikat dalam mesyuarat agung sebelum menjalankan mana-mana kuasa mengeluarkan saham yang diberi kepada mereka oleh Artikel Persatuan syarikat itu. Kelulusan yang diberi mungkin kelulusan secara am bagi mana-mana untukan saham atau bagi untukan yang spesifik sahaja.

32. *Fasal 31* bertujuan meminda seksyen 133 untuk menambah penalti kerana memberi pinjaman kepada pengarah-pengarah sesebuah syarikat selain daripada syarikat persendirian yang dikecualikan bertentangan dengan seksyen 133.

33. *Fasal 32* bertujuan meminda seksyen 134 dan 135.

Seksyen baru 134 bertujuan mengadakan suatu skim bagi pendaftaran, pemberitahuan dan pendedahan atas tuntutan atau di mesyuarat-mesyuarat agung mana-mana kepentingan seseorang pengarah dalam saham, debentur, hak, opsyen atau kontrak, dengan demikian membolehkan perubahan kepentingan seseorang pengarah dalam perbadanannya sendiri atau perbadanan berkaitan lebih mudah dicam.

Di bawah seksyen baru 135, seseorang pengarah mesti memberi notis kepada syarikat mengenai perkara-perkara berhubungan dengan dirinya sebagaimana yang perlu bagi maksud-maksud seksyen 134 dan 141. Peruntukan ini juga memperkatakan tempoh-tempoh bila maklumat yang demikian itu mesti diberi serta perkara-perkara lain yang berkaitan.

34. *Fasal 33* bertujuan meminda seksyen 141 menjadikannya mandatori bagi seseorang pengarah menzahirkan tarikh lahirnya sebagai butir-butir tambahan yang akan dimasukkan dalam daftar pengarah. Ia juga menghendaki syarikat itu menyerahsimpan suatu penyata dalam masa yang ditetapkan apabila ada perubahan dalam butir-butir lain yang ditetapkan selain dari perubahan nama dan alamat. Adalah juga dikehendaki sekarang menyatakan alamat kediaman setiausaha dan pengurus syarikat itu.

35. *Fasal 34* bertujuan meminda seksyen 142.

Fasal ini bertujuan menambah penalti di mana sesebuah syarikat awam dengan modal saham ingkar mengadakan mesyuarat statutori.

36. *Fasal 35* bertujuan meminda seksyen 143 untuk mengadakan dalam seksyen itu sendiri suatu peruntukan penalti kerana tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan sesebuah syarikat. Pada masa ini, hukuman diperuntukkan di bawah peruntukan penalti am dalam seksyen 369.

37. *Fasal 36* bertujuan meminda seksyen 156. Mana-mana keingkaran dalam menyenggara minit-minit perjalanan mesyuarat pemegang-pemegang saham atau pengarah-pengarah sekarang akan tertakluk kepada penalti yang lebih berat.

38. *Fasal 37* bertujuan meminda seksyen 158 bagi menghendaki daftar anggota menunjukkan maklumat yang lebih terperinci mengenai pemegang-pemegang saham termasuklah nombor kad pengenalan mereka, kerakyatan dan maklumat-maklumat lain yang relevan. Penalti kerana melanggar seksyen ini juga ditambah.

39. *Fasal 38* bertujuan meminda seksyen 159 untuk menambah penalti kerana ingkar menyimpan daftar anggota dan indeks anggota sesebuah syarikat.

40. *Fasal 39* memasukkan seksyen baru 165A yang menghendaki sesebuah syarikat persendirian yang dikecualikan, yang tidak dikehendaki menyerahsimpan akaun dengan Pendaftar, mengepilkan kepada penyata tahunannya suatu pernyataan oleh juruaudit syarikat itu.

41. *Fasal 40* bertujuan meminda seksyen 166 bagi mengecualikan sesebuah syarikat awam dari kehendak memasukkan suatu senarai anggota dalam penyata tahunan, jika syarikat itu menyimpan daftar saham utamanya dalam jarak 25 kilometer dari pejabat Pendaftar kawasan. Pada masa ini hanya syarikat awam dalam jarak lingkungan 3 batu dikecualikan.

42. *Fasal 41* bertujuan meminda seksyen 167 untuk mewajibkan semua syarikat yang diperbadankan di sini menyimpan rekod pengakaunan dan rekod-rekod lain mereka di Malaysia. Bagaimanapun pengecualian adalah diberi kepada rekod pengakaunan dan rekod-rekod lain mengenai urusan-urusan cawangan di luar negeri. Pendaftar diberi kuasa menghendaki mana-mana rekod yang sedemikian itu dikemukakan di suatu tempat di Malaysia bagi maksud penyiasatan.

Peruntukan penalti bagi seksyen itu ditambah supaya lebih mencegah.

43. *Fasal 42* bertujuan meminda seksyen 169 bagi menghendaki penzahiran maklumat tambahan untuk anggota-anggota sesebuah syarikat dalam laporan pengarah-pengarah syarikat itu yang hendak dikepilkan kepada kunci kira-kira mengenai fakta-fakta tertentu yang terjadi dalam tahun kewangan yang sedang dikaji semula seperti aktiviti utama syarikat, mana-mana saham yang dikeluarkan oleh syarikat, kepentingan yang diperolehi oleh pengarah-pengarah dalam mana-mana saham atau debentur dalam syarikat itu atau syarikat-syarikat berkaitan dan mana-mana kontrak yang

dibuat oleh syarikat itu dengan pengarah atau mana-mana firma di mana pengarah itu menjadi anggota atau dengan sesebuah syarikat di mana dia ada kepentingan kewangan yang substansial.

Peruntukan penalti di bawah seksyen 364 sekarang hendaklah juga dipakai bagi setiap penyata, laporan atau dokumen lain yang dikepilkan kepada atau dimasukkan ke dalam Laporan Pengarah (subseksyen baru (9)).

Sesebuah syarikat subsidiari sekarang dikehendaki mendedahkan nama syarikat induk akhirnya dan tempat ia diperbadankan (subseksyen baru (10)).

Syarikat-syarikat kewangan sekarang dibenarkan mengubahsuai kunci kira-kira dan akaun untung rugi mereka mengikut kehendak-kehendak yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia. Pada masa ini hanya bank-bank dibenarkan berbuat demikian.

44. *Fasal 43* memasukkan seksyen baru 169A dan 169B.

Memandangkan kepada kehendak-kehendak tambahan berikutan dari pindaan-pindaan kepada seksyen 169 berhubung dengan bentuk dan kandungan akaun dan laporan pengarah, seksyen baru 169A membenarkan sesebuah syarikat memohon kepada Pendaftar relif dari mematuhi kehendak-kehendak tertentu peruntukan-peruntukan seksyen 169. Pendaftar boleh memberi sama ada kelulusan bersyarat atau tidak bersyarat selepas menimbangkan sewajarnya akibat relif itu jika diberi. Pendaftar boleh memberi relif secara am kepada syarikat-syarikat sesuatu kelas tertentu.

Seksyen baru 169B memberi kuasa kepada Pendaftar meminta penyata penilaian aset dan liabiliti sesebuah syarikat pada nilai semasa.

45. *Fasal 44* bertujuan meminda seksyen 171 bagi menjadikan semua pengarah bertanggungjawab mengenai mana-mana pertuduhan tidak mematuhi mana-mana peruntukan Penggal 1 Bahagian IV Akta.

46. *Fasal 45* bertujuan meminda seksyen 174 untuk memperkukuhkan kedudukan juruaudit dalam menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta. Rujukan langsung dibuat kepada akaun disatukan sesebuah syarikat induk menggantikan rujukan tidak langsung di bawah peruntukan yang ada. Seseorang juruaudit akan dikehendaki menyatakan sama ada akaun disatukan itu telah dibuat dengan sempurna supaya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal syarikat itu. Jika akaun beraudit syarikat-syarikat subsidiari adalah bersyarat, juruaudit yang melapor mengenai syarikat induk dikehendaki merujuk kepada syarat tersebut jika material kepada penyatuan itu.

Seseorang juruaudit adalah juga dikehendaki melaporkan pelanggaran terhadap Akta kepada Pendaftar Syarikat (subseksyen baru (8)).

47. *Fasal 46* memasukkan seksyen baru 174A yang melindungi juruaudit dari sebarang tindakan kerana fitnah berhubungan dengan tugas-tugasnya di bawah Akta.

48. *Fasal 47* bertujuan meminda seksyen 179 bagi membuat peruntukan melantik suatu Panel untuk mentadbirkan, menyelia dan mengawal pengambilalihan dan pergabungan (subseksyen baru (2)).

Panel itu boleh menyediakan suatu Kod yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu transaksi pengambil-alihan atau pergabungan. Kod itu dan mana-mana pindaan kepadanya akan disiarkan dalam *Warta* (subseksyen baru (3)).

Kod itu meliputi semua transaksi yang melibatkan pengambil-alihan oleh sesebuah syarikat atau individu, sebuah syarikat lain yang diperbadankan di Malaysia, sama ada ianya sebuah syarikat awam yang disenaraikan, syarikat awam yang tidak disenaraikan atau di mana sesuai, sebuah syarikat persendirian.

49. *Fasal 48* bertujuan meminda seksyen 193 yang membenarkan perniagaan insurans dan bank disiasat jika dinyatakan dalam seksyen yang relevan dalam Bahagian IX Akta.

50. *Fasal 49* bertujuan meminda seksyen 194 untuk memasukkan suatu takrif baru bagi istilah "hal-ehwal" ("affairs") yang terutamanya adalah perkara-perkara yang akan disiasat.

51. *Fasal 50* bertujuan memasukkan seksyen baru 199A yang akan membenarkan seseorang inspektor yang dilantik menurut Bahagian IX, dengan izin Menteri meluaskan penyiasatannya kepada sesebuah syarikat berkaitan.

52. *Fasal 51* bertujuan memasukkan seksyen baru 208A yang akan menambah peruntukan seksyen 208. Menteri untuk menentukan keempunyaan mana-mana saham atau debentur sesebuah perbadanan boleh menjalankan kuasanya di bawah seksyen baru ini bagi menghendaki mana-mana orang yang dipercayainya berminat atau ada kepentingan dalam saham-saham atau debentur-debentur itu atau bertindak atau telah bertindak berhubungan dengan saham-saham atau debentur-debentur itu, memberinya mana-mana maklumat berhubung dengan saham-saham itu. Menteri akan menjalankan kuasa ini jika dia fikir tidak perlu melantik seorang inspektor bagi maksud seksyen 208.

53. *Fasal 52* bertujuan meminda seksyen 251 untuk memberi kuasa kepada Mahkamah, berhubung dengan pembubaran sesebuah syarikat, menyebabkan ditangkap orang-orang yang bersembunyi atau sudah melarikan diri atau tidak mahu bekerjasama.

54. *Fasal 53* bertujuan meminda seksyen 320 untuk melonggarkan sekatan atas pinjaman oleh syarikat-syarikat pelaburan. Sesebuah syarikat pelaburan sekarang boleh meminjam hingga dua kali ganda aset ketara bersihnya.

55. *Fasal 54* bertujuan meminda seksyen 321 untuk menambah pelaburan maksimum oleh syarikat-syarikat pelaburan dalam saham-saham perbadanan dari 5% kepada 10%. Pengecualian adalah diberi bagi pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari milik penuh syarikat pelaburan itu yang menjalankan perniagaan yang bersampingan dengan perniagaan syarikat pelaburan itu.

56. *Fasal 55* bertujuan meminda seksyen 323 untuk menghapuskan kehendak bahawa sesebuah syarikat pelaburan tidak boleh meminjam, melabur, underait atau subunderait kecuali artikel syarikat itu menyatakan jenis sekuriti yang ia boleh melabur di dalamnya dan sama ada pelaburan di dalam atau di luar Malaysia adalah di antara matlamat-matlamat syarikat itu.

57. *Fasal 56* bertujuan meminda seksyen 326 supaya menghendaki sesebuah syarikat pelaburan mengepilkan hanya kepada kunci kira-kiranya senarai lengkap semua transaksi saham pada tarikh kunci kira-kira itu.

58. *Fasal 57* bertujuan meminda seksyen 327 untuk membenarkan kefleksibelan dalam penggunaan rizab turun naik pelaburan.

59. *Fasal 58* bertujuan meminda seksyen 330 untuk mengecualikan pengimportan barang-barang bagi tujuan pertunjukan, pameran atau demonstrasi atau sebagai sampel perdagangan dari dikelaskan sebagai "menjalankan perniagaan" ("carrying on business") di Malaysia.

60. *Fasal 59* bertujuan meminda seksyen 332 untuk menghendaki sesebuah syarikat asing didaftarkan terlebih dahulu sebelum menubuhkan tempat perniagaan di Malaysia berbeza dengan peruntukan yang ada dalam Akta.

Pindaan itu juga bertujuan memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengenakan syarat-syarat bagi pendaftaran sesebuah syarikat asing. Suatu perakuan akan dikeluarkan oleh Pendaftar apabila sesebuah syarikat asing didaftarkan.

61. *Fasal 60* bertujuan meminda seksyen 333. Berbangkit dari pindaan dalam *fasal 59,* sesebuah syarikat asing hanya boleh memberitahu kedudukan pejabatnya yang didaftarkan (cawangan) dalam borang yang ditetapkan, selepas ia didaftarkan.

62. *Fasal 61* bertujuan meminda seksyen 334 untuk menghapuskan kehendak supaya Pendaftar mengeluarkan perakuan setiap kali notis pertukaran ejen atau pejabat yang didaftarkan bagi sesebuah syarikat asing diserahsimpan. Bagaimanapun suatu perakuan masih akan dikehendaki dikeluarkan berkenaan dengan sesuatu pertukaran atau penukaran nama syarikat asing itu.

63. *Fasal 62* bertujuan meminda seksyen 336A untuk memasukkan kehendak supaya syarikat-syarikat asing menyebabkan rekod-rekod pengakaunannya dan lain-lain rekod berkenaan dengan transaksi-transaksi dan kedudukan kewangan yang terbit dari urusan-urusannya di Malaysia diaudit oleh seorang juruaudit yang diluluskan di bawah seksyen 8.

64. *Fasal 63* bertujuan meminda seksyen 340 untuk menghendaki likuidator sesebuah syarikat asing di Malaysia menyelesaikan liabiliti-liabiliti syarikat asing itu di Malaysia dengan pendapatan dari penghasilan aset syarikat itu di Malaysia sebelum membuat bayaran kepada likuidator syarikat itu di tempat ia diperbadankan.

Ia juga mengadakan prioriti bayaran menurut seksyen 292 Akta kepada pemiutang tak bercagar yang perlu dipatuhi oleh likuidator sesebuah syarikat asing yang sedang dibubarkan.

65. *Fasal 64* bertujuan meminda seksyen 358. Sesuatu keingkaran dalam mematuhi bentuk daftar yang dikehendaki disimpan oleh sesebuah syarikat boleh dikenakan suatu penalti lebih berat sebanyak dua ribu ringgit.

66. *Fasal 65* bertujuan meminda seksyen 360 untuk memberi kuasa kepada Pendaftar menghendaki mana-mana syarikat memfailkan mana-mana dokumen termasuk mana-mana akaun, buku minit atau rekod-rekod lain dll. dalam bahasa kebangsaan.

67. *Fasal 66* bertujuan meminda seksyen 363 untuk menambah penalti bagi mana-mana pelanggaran seksyen 363 berhubung dengan penjajaan saham.

68. *Fasal 67* bertujuan meminda seksyen 364. Sebagai tambahan kepada peruntukan sekarang yang hanya meliputi pembuatan pernyataan palsu dengan sengaja, peruntukan baru ini menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang membenarkan pembuatan pernyataan palsu dan sengaja meninggalkan atau membenar ditinggalkan atau ditambah mana-mana maklumat menyebabkan sesuatu dokumen itu menjadi mengelirukan.

Subseksyen baru (3) bertujuan mengecam apa yang disifatkan sebagi kebenaran membuat pernyataan palsu. Kebenaran ini meliputi keadaan di mana seseorang pengundi di sesuatu mesyuarat untuk membuat pernyataan itu. Dengan demikian hanya dengan mengundi di suatu mesyuarat boleh membawa liabiliti kepada seseorang jika orang itu tahu pernyataan itu palsu.

69. *Fasal 68* bertujuan memasukan seksyen baru 364A yang menyokong peruntukan-peruntukan seksyen 364 dan peruntukan-peruntukan lain dengan meluaskan liabiliti bagi pernyataan-pernyataan yang mengelirukan kepada pegawai-pegawai syarikat dahulu dan sekarang. Adalah menjadi suatu kesalahan jika seseorang pegawai sesebuah perbadanan memberi pernyataan yang palsu atau mengelirukan kepada seseorang pengarah, juruaudit, anggota, pemegang debentur atau pemegang amanah bagi pemegang-pemegang debentur, juruaudit syarikat induk, Bursa Saham atau Panel pengambilalihan dan pergabungan.

70. *Fasal 69* bertujuan meminda seksyen 367 untuk menambah peruntukan penalti bagi mana-mana orang yang menjalankan perniagaan tanpa mendaftar. Subseksyen baru (4) memberi takrif bagi istilah "menjalankan perniagaan" ("carrying on business").

71. *Fasal 70* bertujuan meminda seksyen 369 untuk menambah peruntukan penalti am kepada lima ribu ringgit bagi kesalahan-kesalahan yang penaltinya tidak diperuntukkan dalam seksyen yang relevan.

72. *Fasal 71* bertujuan meminda seksyen 371 untuk menambah had masa bagi memulakan pembicaraan jenayah di bawah Akta dari tiga tahun kepada tujuh tahun.

73. *Fasal 72* bertujuan memasukkan seksyen baru 374 untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong meminda semua Jadual kepada Akta.

74. *Fasal 73* bertujuan memotong Jadual Kesepuluh berbangkit dari pindaan kepada seksyen 179 (*fasal 47*).

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 429.]